

Headline	TH umum tiga lantikan kanan baharu		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	26 Feb 2020	Circulation	112,705
Section	Bisnes	Readership	338,115
Page No	21	ArticleSize	238 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 9,376
Journalist	N/A	PR Value	RM 28,127
Frequency	Daily		



# TH umum tiga lantikan kanan baharu

**Kuala Lumpur:** Lembaga Tabung Haji (TH) mengumumkan tiga lantikan baharu pengurusan kanan institusi itu dalam usaha mengukuhkan lagi pentadbiran kewangan dan pelburannya.

TH dalam kenyataan berkata, tiga individu itu adalah Datuk Merina Abu Tahir, Mohamad Damshal Awang Damit dan Muhammad Fawwaz Aminuddin.

Merina dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan berkuat kuasa 5 Februari lalu manakala Mohamad Dams hal (Ketua Pegawai Pelaburan) bertugas sejak 20 Januari lalu dan Muhammad Fawwaz (Pengurus Besar Pelaburan Strategik) berkuat kuasa sejak 11 Februari lalu.

Merina akauntan bertauliah Institut Akauntan Malaysia (MIA), Persatuan Akauntan Bertauliah Berkannun (Acca), Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (Micpa), Akauntan Profesional Bertauliah Asean (Asean CPA) dan Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM).

"Merina berpengalaman



*Merina berpengalaman lebih 30 tahun di pelbagai syarikat tempatan dan antarabangsa"*

## Jurucakap TH

lebih 30 tahun di pelbagai syarikat tempatan dan antarabangsa termasuk multinasional, institusi kewangan dan amalan audit serta berpengalaman luas dalam pe-

ngurusan umum, kewangan, komersial, pembangunan perniagaan, dan audit dalaman serta luaran.

"Selain pernah dilantik sebagai ahli Majlis MIA pada Disember 2016 hingga November 2019, beliau juga adalah mantan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Acca Malaysia," katanya.

Mohamad Damshal pula lulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari University of Toledo, Ohio, Amerika Syarikat dan juga pemegang charter sebagai Penganalisis Kewangan Ber-

tauliah (CFA).

Sebelum menyertai semula TH, Mohamad Damshal Ketua Pelaburan Ekuiti dan Pendapatan Tetap di Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Malaysia.

Beliau mempunyai pengalaman lebih 26 tahun dalam bidang pengurusan pelaburan domestik dan luar negara, analisa kredit serta kawal se lia risiko termasuk pernah bertugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di syarikat dana pelaburan komersial.

Selain itu, beliau pernah berkhidmat di TH dari 1999 sehingga 2003 di bahagian perancangan korporat dan pernah mengetuai pengurusan portfolio pelaburan pendapatan tetap.

Sementara itu, Muhammad Fawwaz yang juga pemegang CFA dari CFA Institute dan Akauntan Bertauliah (ACA) Institute of Chartered Accountants di England & Wales (ICAEW) dilantik sebagai Pengurus Besar Pelaburan Strategik bagi meningkatkan potensi pelaburan aset strategik TH.